

HENTIKAN BULI SIBER!

Oleh Fadli Ali

Kita sering membaca kekecewaan banyak orang apabila mereka difitnah, dikeji dan dimalukan menerusi media sosial. Tidak kira sama ada mereka rakyat biasa, selebriti, pemimpin atau pengengaruh mega (*instafamous*), media sosial seolah-olah menjadi papan cerita untuk menyatakan apa-apa sahaja tanpa sekatan – tanpa menghiraukan perkara tersebut benar atau sebaliknya.



Pada kebiasaannya, hal ini berkait dengan komen di media sosial milik mereka. Perkara yang kerap berlaku apabila seseorang memuat naik gambar atau berkongsi cerita yang menarik perhatian warga media sosial. Bagi yang meminati mereka, sudah pasti pujian dan sokongan akan diberikan, namun hal ini berbeza dalam kalangan yang tidak menyukai mereka. Di sinilah ruang fitnah-memfitnah bermula.

Warga media sosial terbahagi kepada tiga golongan, iaitu mereka yang meminati seorang (menjadi pengikut), mereka yang tidak meminati (masih menjadi pengikut) dan pemerhati (menjadi pengikut senyap, iaitu hanya

untuk mengetahui perkembangan seseorang). Oleh itu, ada yang merumuskan bahawa media sosial pada hari ini tidak mementingkan kesahihan cerita – ada cerita yang tidak benar tetapi mendapat sokongan di media sosial dan begitulah sebaliknya.

Pada hari ini, fungsi media sosial melangkaui apa-apa yang kita fikirkan. Media sosial yang antara tujuan utamanya adalah untuk meluaskan jaringan hubungan tanpa sempadan dan kemudiannya berkembang sebagai medium perniagaan kini telah berubah menjadi tempat untuk melepaskan kemarahan, membuli dan menabur fitnah.



Yang paling ketara, buli siber semakin menjadi-jadi. Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa buli siber asalkan mereka mempunyai jaringan hubungan dalam media sosial. Yang paling melampau apabila buli siber mengakibatkan kematian seorang remaja berumur 16 tahun di media sosialnya. Remaja itu didakwa membuat undian di akaun Instagram miliknya dengan memaparkan status “Sangat penting, bantu saya pilih.” Dia menyediakan dua pilihan, iaitu D (*Death*) atau L (*Life*), masing-masing bermaksud mati atau hidup. Malangnya, orang awam telah memilih D dan menyebabkan remaja tersebut mengambil tindakan untuk membunuh dirinya.

Meskipun banyak kes buli siber dibawa ke mahkamah, namun media sosial masih dibanjiri oleh pembuli siber. Persoalannya, adakah kita sebagai pengguna media sosial menyedari bahawa kita ialah mangsa buli siber? Apakah yang dimaksudkan sebagai buli siber?

Menurut Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), buli siber ialah perbuatan membuli melalui teknologi digital. Buli siber berlaku dalam media sosial, platform pesanan, platform permainan dan telefon bimbit. Buli siber merupakan tingkah laku berulang, yang bertujuan untuk menakutkan, memarahi atau memalukan mereka yang menjadi sasaran. Contohnya, menyebarkan pembbohongan maklumat atau menyiarkan gambar yang memalukan seseorang di media sosial, menghantar mesej atau ancaman yang menyakitkan melalui platform pemesejan,

menyamar sebagai orang lain dan menghantar mesej yang jahat. Buli secara bersemuka dan buli siber sering berlaku serentak tetapi buli siber meninggalkan jejak digital – rekod yang sukar dipadamkan, khususnya apabila ada pihak yang mengulang *tweet* atau sengaja menyimpan maklumat tersebut.

Untuk mengetahui sama ada anda mangsa buli atau sebaliknya, yang berikut ialah soalan yang perlu ditanyakan kepada diri anda sendiri. Jawapan kepada soalan lazim berkaitan dengan buli siber tersebut disediakan oleh UNICEF untuk panduan kanak-kanak di seluruh dunia. Mengapakah UNICEF? UNICEF ialah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan bantuan kemanusiaan dan pembangunan kepada kanak-kanak. Di Malaysia, kanak-kanak diklasifikasikan sebagai mereka yang berusia di bawah umur 18 tahun.

UNICEF yang ditubuhkan sejak tahun 1946 dan beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat, mempunyai mandat sejagat untuk mempromosikan dan melindungi hak semua kanak-kanak di seluruh dunia, khususnya yang paling sukar dicapai dan berisiko. Sementara itu, UNICEF Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1954 dan beribu pejabat di Kuala Lumpur turut berperanan penting dalam membantu memastikan permulaan yang terbaik dalam kehidupan kanak-kanak melalui kesihatan, pendidikan yang berkualiti, perlindungan daripada keganasan dan eksploitasi. Oleh itu, walau di mana-mana sahaja anda berada, hak kanak-kanak sentiasa dilindungi oleh UNICEF khususnya yang berhadapan dengan buli siber.



1. Adakah saya dibuli secara dalam talian? Apakah perbezaan antara jenaka dengan buli?

UNICEF: Semua rakan anda bergurau antara satu sama lain tetapi kadang-kadang sukar untuk mengetahui sama ada seseorang hanya bergurau atau cuba menyakiti anda, terutamanya secara dalam talian. Ada kalanya mereka akan mentertawakan anda dengan menyatakan mereka hanya bergurau atau tidak menganggapnya serius. Namun begitu, jika anda berasa sakit hati atau menganggap orang lain mentertawakan anda dan hal tersebut berterusan walaupun anda telah meminta orang tersebut berhenti daripada mengulangi perbuatan yang sama, maka hal tersebut boleh dikategorikan sebagai buli. Apabila buli berlaku secara dalam talian, anda akan menjadi perhatian bukan sahaja dalam kalangan pengikut anda di media sosial tetapi mereka yang tidak mengenali anda juga mengambil bahagian dalam hal tersebut. Sekiranya anda berasa terganggu dan hal tersebut masih berlanjutan, maka anda perlu mendapatkan bantuan. Menghentikan buli siber bukan hanya untuk memberikan pengajaran kepada si pembuli tetapi untuk memaklumkan kepada umum bahawa setiap orang berhak untuk dihormati meskipun secara dalam talian.

2. Apakah kesan buli siber?

UNICEF: Apabila buli berlaku secara dalam talian, anda boleh diserang di mana-mana sahaja, walaupun di dalam rumah anda sendiri. Kesannya akan berpanjangan dan boleh mempengaruhi seseorang dengan pelbagai cara, iaitu secara mental (berasa kecewa, malu, bodoh dan marah), secara emosi (berasa malu atau kehilangan minat terhadap perkara yang anda gemari) dan secara fizikal (keletihan akibat gangguan tidur, mengalami gejala seperti sakit perut dan sakit kepala, serta sentiasa beranggapan seperti sedang ditertawakan atau diganggu oleh orang lain).

3. Dengan siapakah saya harus mengadu sekiranya seseorang membuli saya secara dalam talian?

UNICEF: Sekiranya anda merasa dibuli, langkah pertama adalah dengan meminta pertolongan daripada orang yang anda percayai seperti ibu bapa anda, ahli keluarga terdekat atau orang dewasa yang dipercayai. Di sekolah, anda boleh menghubungi kaunselor, jurulatih sukan atau guru kegemaran anda. Sekiranya buli tersebut berlaku menerusi platform media sosial, pertimbangkan untuk menyekat pembuli dan melaporkan tingkah laku mereka di platform media sosial anda. Hal ini dikatakan demikian kerana syarikat media sosial wajib menjaga keselamatan penggunaannya.

Oleh itu, sangat penting untuk anda mengumpulkan bukti – pesanan dan tingkap layar daripada catatan media sosial anda untuk menunjukkan situasi sebenar yang berlaku. Melaporkan perbuatan pembuli merupakan langkah paling tepat untuk menghentikan perbuatannya. Hal ini juga dapat menunjukkan kepada si pembuli bahawa tingkah laku mereka adalah salah. Sekiranya anda berada dalam bahaya, anda harus menghubungi polis dengan segera.

4. Saya mengalami buli siber tetapi takut untuk bercakap dengan ibu bapa mengenai perkara itu. Apakah yang perlu saya lakukan?

UNICEF: Sekiranya anda mengalami buli siber, bercakaplah dengan orang dewasa yang dipercayai. Ini merupakan langkah pertama yang paling penting yang boleh anda ambil. Terangkan betapa seriusnya masalah tersebut kepada anda. Mungkin mereka tidak begitu mengenal teknologi seperti anda, jadi anda mungkin perlu membantu mereka memahami apa-apa yang sedang berlaku. Sekiranya anda masih tidak pasti apakah yang harus dilakukan, pertimbangkan untuk menghubungi orang lain yang lebih dipercayai. Selalunya ada lebih banyak orang yang akan mengambil berat tentang anda dan bersedia membantu, percayalah!

5. Bagaimanakah saya dapat membantu rakan saya untuk melaporkan kes buli siber terutamanya jika mereka tidak mahu melakukannya?

UNICEF: Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa buli siber. Sekiranya anda melihat hal ini berlaku kepada seseorang yang anda kenali, cuba tawarkan sokongan. Adalah penting untuk mendengar masalah yang dialami oleh rakan anda. Ingat, rakan anda mungkin berasa takut. Bersikap baik kepada mereka. Tawarkan mereka untuk pergi bersama-sama jika mereka memutuskan untuk melaporkan gangguan yang mereka alami.

Yang paling penting, ingatkan mereka bahawa anda ada untuk mereka dan anda ingin membantunya. Sekiranya rakan anda masih tidak mahu melaporkan kejadian itu, maka bantulah mereka untuk mencari orang dewasa yang dipercayai yang dapat menolong mereka menangani situasi tersebut. Ingatlah bahawa dalam situasi tertentu, buli siber boleh mengancam nyawa. Kata-kata semangat anda mampu menyelamatkannya.

6. Bagaimanakah caranya untuk menghentikan buli siber?

UNICEF: Sekiranya anda mengalami buli siber, anda mungkin mahu memadam aplikasi tertentu atau menghentikan akaun anda untuk sementara waktu. Namun begitu, tindakan tersebut bukanlah jalan penyelesaian jangka panjang. Anda tidak melakukan kesalahan. Oleh itu, mengapakah anda perlu “menghukum” diri anda sendiri?

7. Bagaimanakah caranya untuk mengelakkan maklumat peribadi saya digunakan untuk memanipulasi atau mengaibkan saya di media sosial?

UNICEF: Berfikirlah dua kali sebelum menyiarkan atau berkongsi apa-apa secara dalam talian – maklumat tersebut mungkin kekal dalam talian selama-lamanya dan boleh digunakan untuk membahayakan anda pada masa akan datang. Jangan berkongsi maklumat peribadi anda, seperti alamat, nombor telefon atau nama sekolah. Belajarlah tentang tetapan privasi aplikasi di media sosial kegemaran anda.

Yang berikut ialah beberapa tindakan yang boleh anda lakukan; antaranya memutuskan siapakah yang dapat melihat profil anda, mengirimi anda mesej atau memberikan komen pada catatan anda dengan menyesuaikan tetapan privasi akaun anda. Anda juga boleh melaporkan komen, mesej dan foto yang menyakitkan dan meminta dihapuskan. Anda juga boleh menyekat seseorang daripada melihat profil anda atau menghubungi anda, memilih untuk mendapatkan komen daripada orang tertentu, memadam profil anda atau menyembunyikannya daripada orang tertentu.

Tidak dinafikan bahawa semakin canggih teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) semakin tinggi risiko yang terpaksa ditanggung oleh manusia sebagai penggunaannya. Namun begitu, sosioekonomi dunia memerlukan TMK untuk bergerak. Oleh itu, mahu tidak mahu kita perlu menerima kehadiran TMK. Apa-apa yang penting, kebijaksanaan perlu diletakkan pada tempat yang tertinggi agar TMK membantu kehidupan kita dan bukannya memusnahkan kita.

Di Malaysia, meskipun masih belum ada akta khusus untuk pesalah buli siber, kesalahan itu boleh disabitkan di bawah Seksyen 233(1), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang mempunyai peruntukan mengenai kesalahan penyalahgunaan internet. Jika disabit kesalahan di bawah seksyen ini, tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 233(3), iaitu boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.^{ds}

